

06/01/2001

Langkah erat perpaduan Melayu wajar disegerakan

far; Awang Kushairy Junaidi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak mahu perbincangan tiga parti politik yang bertujuan mengeratkan perpaduan Melayu, dilakukan segera dengan mengetepikan sebarang sentimen atau kepentingan politik masing-masing.

Kebanyakan yang ditemui menyifatkan pertemuan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, adalah petanda baik untuk kebangkitan semula bangsa Melayu.

Selain isu politik dan usaha mengeratkan perpaduan bangsa, pertemuan itu juga diharap memberi tumpuan kepada strategi pembangunan dalam usaha menyediakan orang Melayu menghadapi cabaran globalisasi.

Eksekutif syarikat swasta, Mohd Noor Fauzi Mohd Rani, 25, berkata walaupun politik dianggap penting untuk menyatukan orang Melayu, pemimpin berkenaan juga mesti berbincang aspek sosial dan ekonomi supaya orang Melayu tidak terus ketinggalan.

"Topik perbincangan nanti mesti menekankan bagaimana boleh memajukan orang Melayu yang selama ini berpecah disebabkan perbezaan fahaman politik.

"Orang Melayu sekarang sudah bosan dengan perbalahan sesama mereka. Mereka lebih berminat kepada isu yang boleh membantu mereka menjadi masyarakat maju setanding bangsa lain," katanya.

Kakitangan syarikat swasta, Zaharah Roslan, 34, berkata walaupun pertemuan itu sulit dan membabitkan isu sensitif, ia mestilah membawa kepentingan kepada orang Melayu terutama dalam ekonomi dan pembangunan.

Di KANGAR, seorang peniaga, Zakaria Salleh, 40, berkata jika perpaduan orang Melayu kuat, tidak akan timbul sebarang tuntutan yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum.

"Bagaimanapun, kita perlu berpegang kepada nasihat Perdana Menteri, iaitu kekuatan Melayu perlu demi menjaga kepentingan kita, bukan untuk memusuhi bangsa lain," katanya.

Di SEREMBAN, Mazlan Sarman, 40, berkata pergolakan di kalangan orang Melayu menyebabkan bangsa itu lemah dan tidak menyerlah dalam mengharungi kemajuan teknologi dan ekonomi.

"Masih ada masyarakat Melayu yang terpinggir jauh apatah lagi untuk bersaing dengan kemajuan yang ada," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Setiausaha Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia cawangan Terengganu, Ismail Awang berkata, langkah itu perlu dipercepatkan dalam bagi menyatupadukan masyarakat Melayu yang kini mula menunjukkan perpecahan ekoran perbezaan fahaman politik.

Penolong Pegawai Ehtwal Ekonomi Bahagian Perisikan Maklumat dan Hal Ehtwal Korporat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri, Samudin Hassan berkata, pertemuan itu sepatutnya diadakan sejak dahulu lagi.

Di GEORGETOWN, Pengerusi Persatuan Penjaja Kecil Lorong Kulit, Pulau Pinang, Samsuddin Osman, 40, berkata isu permuafakatan bersama membabitkan pemimpin pertubuhan politik Melayu seharusnya disegerakan bagi menjamin kemajuan bangsa.

"Melengah-lengahkan permuafakatan akan memberi ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk menjadi `raja' sehingga membawa kepada kehancuran bangsa Melayu," katanya.

Pekerja industri dari Balik Pulau, Norzaini Yusof, 35, berkata melalui perpaduan saja orang Melayu akan dihormati dan ekonomi bangsa Melayu akan kukuh.

Di IPOH, pesara, Abdul Hamid Mohd Lotan, 66, berkata orang Melayu seharusnya memanfaatkan masa dan peluang yang ada untuk memastikan bangsa itu maju, bukannya bercakaran sesama sendiri.

"Sebaik-baiknya ketepikan perbezaan politik dan bersatu bagi menyiapkan bangsa kita untuk menghadapi pelbagai cabaran pada era globalisasi agar Melayu dapat bersaing dengan bangsa lain di dunia," katanya.

Di KEDAH, pemandu teksi, Zakaria Daud, 56, berkata ketiga-tiga pihak perlu jujur mencari jalan terbaik bagi mengukuhkan perpaduan dan keamanan negara.

"Sebagai orang Melayu dan penduduk asli negara, kita perlu membuktikan kepada kaum lain mengenai ketulenan perpaduan Melayu," katanya.

Di KOTA BHARU, Pengerusi Belia dan Sukan 4B Tumpat, Abdul Razak Sidek berkata, usaha itu perlu disegerakan kerana perpecahan orang Melayu kini turut melanda remaja.

"Kita dapat lihat sendiri perpecahan berlaku dan kesannya boleh dirasai apabila kita menganjurkan kegiatan, ahli memberontak dan tidak hadir," katanya.

Di KOTA KINABALU, seorang pensyarah universiti tempatan, Halina Mohd Yakin, 27, berkata pihak terbabit juga perlu memberi penekanan kepada isu pembangunan bagi mempersiapkan masyarakat menghadapi cabaran globalisasi.

"Adalah lebih baik jika isu pembangunan dan perpaduan diberi keutamaan dan bukan hanya isu politik yang semakin lama semakin kritikal dan membuat masyarakat bosan," katanya.

(END)